

Oleh Mahaizura Abd Malik  
bhnews@bharian.com.my

# Program rekreasi SIR taraf dunia

## Tempat percutian menarik pikat pelancong tempatan, asing

**M**ERSING: Pengurusan Sibu Island Resort (SIR) menawarkan tempat percutian menarik dan menyediakan kemudahan rekreasi sukan laut dan program lasak untuk pembangunan jati diri pengunjung dalam usaha meningkatkan daya penarik ke pulau berkenaan.

Malah, dengan adanya prasarana rekreasi seperti 'Team Challenge Hour Glass Tower' dan 'Challenge Rope Program' yang baru siap serta dilancarkan Mei lalu, menjadikan SIR resort pertama di Malaysia menawarkan kemudahan bertaraf dunia.

Pengurus Besarinya, Ibrahim Kadir, berkata program yang dibangunkan oleh Focus Adventure berpangkalan di Singapura itu menggunakan teknologi Amerika Syarikat dengan kos sebanyak RM1.24 juta dan mengambil masa hampir enam bulan pembinaannya.

"Lebih 16 halangan yang dicipta khas bagi mengimbangi elemen tinggi dan rendah dengan memberi bimbingan kepada golongan sasaran dalam usaha meningkatkan jati diri korporat.

"Objektif utama program berkenaan untuk mengembalikan keyakinan kepada seseorang di samping meningkatkan semangat setia kawan dan kerjasama di kalangan ahli kumpulan terbabit.

"Selain itu, kami memberi penekanan kepada aktiviti lain yang mencabar minda dan menguatkan fizikal termasuk 'wind surfing,' 'banana boat rides,' 'crusing,' 'snorkeling,' berkayak, jelajah pulau, merentas hutan dan memancing," katanya.



SIBU Island Resort menyediakan kemudahan rekreasi sukan lasak.

Ibrahim berkata, menjelang tahun depan, pihaknya juga bakal menganjurkan sukan lasak Sibu Eco Challenge (SEC) yang turut disertai peserta dari luar negara.

"Setakat ini, kami masih mengenal pasti pihak yang mampu mengendalikannya

program berkenaan kerana memerlukan penelitian dan menuntut komitmen tinggi memandangkan ia bakal disertai negara luar.

"Program itu dijangka dimulakan Februari tahun depan dengan menawarkan pelbagai hadiah menarik

serta wang tunai lumayan," katanya.

Beliau berkata, selaras dengan peningkatan industri pelancongan yang menggalakkan di pulau itu, mereka turut mempelawa pelabur tempatan dan luar negara melabur untuk bersama memajukan

Pulau Sibu.

"Sejak pembukaan semula pusat peranginan ini selepas dua tahun menjalani proses naik taraf yang menelan belanja RM26 juta, jumlah pengunjung bukan saja menggalakkan di kalangan warga tempatan, malah luar



“Program yang dibangunkan oleh Focus Adventure berpangkalan di Singapura ini menggunakan teknologi Amerika Syarikat dengan kos sebanyak RM1.24 juta dan mengambil masa hampir enam bulan pembinaannya”

**Ibrahim Kadir**  
Pengurus SIR

YourGuide...

# Outward bound challenge

**A** WIDE array of world-class obstacle facilities for team-building programmes are available at Sibuland Resort (SIR).

Those who enjoy challenging outdoor adventures should check out SIR's hallmark obstacles called "Hour Glass Tower" and "High Element".

Its general manager Ibrahim Kadir said the programmes and facilities were developed by Focus Adventure, a Singapore-based company specialising in team-building and motivational programmes.

"There are more than 16 obstacles specially-tailored to create positive, lasting change in the workplace.

"The main objective is to en-

hance one's confidence and at the same time foster better ties and cooperation among team members."

Other than the obstacle facilities, water sports such as wind surfing, banana boat rides, snorkelling and kayaking are also available and can be included in the motivational programmes.

Ibrahim said an extreme sports event, Sibuland Eco Challenge, would be held next year with participation of teams from various countries.

"The programme is to be held in February. Attractive prizes and cash are up for grabs," he said.

For details or reservation, call 07-222 5155 or email info@sibulandresort.com.my.



Honing one's skills and confidence.



Participants are encouraged to come out of their comfort zone and help their company reach its goals.

There are many activities that challenge people to realise their potential.



The Hour Glass Tower at Sibuland Resort focuses extensively on teamwork. — Pictures by Zulkarnain Ahmad Tajuddin

# Pulau Sibu berwajah baru

Destinasi percutian yang eksklusif, mempersonakan

NOR AZURA MD AMIN

Idaman percutian yang membolehkan anda menikmati dan menenangkan tanpa perlu keluar negara, Pulau Sibu adalah destinasi yang tepat. Sesekali bercuti ke pulau pastinya menyeronokkan, tambahan pula kini Pulau Sibu berwajah baru dengan pertumbuhan pesat resort-resort di pulau itu yang pastinya menjanjikan pelbagai keunikan dan daya tarikan baru kepada pengunjungnya, antaranya ialah Sibu Island Resort. Sibu Island Resort adalah destinasi percutian yang menjanjikan kedamaian kerana dikelilingi suasana tropika yang memenuhi cita rasa pengunjung terutama yang mahu melarikan diri daripada suasana keriuhan kota.

Terletak di timur, Johor dan hanya mengambil masa satu setengah jam perjalanan dari Johor Bahru ke Jeti Tanjung Leman, Mersing, serta 20 minit perjalanan menaiki bot ke resort tersebut.

Sepanjang perjalanan, pengunjung akan dapat melihat

keindahan Pulau Sibu yang dikelilingi oleh pulau-pulau lain dan kelong ikan yang dibina oleh nelayan tempatan.

Menawarkan sebanyak 121 buah bilik tetamu yang dibina daripada kayu mewah hasil pengubahsuaian dan penyelenggaraan yang dibuat, pengunjung boleh memilih bilik yang bersesuaian dengan citarasa mereka.

Tiga unit chalet bulan madu eksklusif yang terletak di puncak resort dengan berlatarkan panorama laut biru yang indah ditambah dengan keindahan pulau-pulau yang terletak di sebelahnya, menjadikan percutian yang paling romantik bagi pasangan yang datang untuk berbulan madu.

Kemudahan rekreasi seperti "Team Challenge Hour Glass Tower" dan "Challenge Rope Program" ditawarkan kepada pengunjung yang mahukan sesuatu yang mencabar. Kedua-dua kemudahan rekreasi ini menjadikan Sibu Island Resort pertama di Malaysia yang menawarkan kemudahan rekreasi bertaraf dunia.

Selain itu, kemudahan rekreasi

sukan laut dan program latihan Jati diri Korporat yang menggabungkan elemen rekreasi, pendidikan dan menekankan aspek pembangunan turut disediakan.

Sementara itu, pelbagai aktiviti lain yang direka khas untuk mencabar minda dan menguatkan fizikal, antaranya wind surfing, banana boat rides, cruising, snorkeling, berkanak, jelajah pulau, dan merentas hutan.

Namun bagi pengunjung yang ingin beriadah dan berehat di tepi pantai, aktiviti senamrobik di tepi pantai dan jogging di sekitar resort menjadi pilihan.

Antara keunikan yang menjadi daya tarikan utama di resort ini ialah tetamu berpeluang mendekati binatang-binatang jinak seperti rusa, ayam serama dan burung merak kerana dibenarkan berkeluaran di sekitar resort. Satu pengalaman yang sangat menarik terutama bagi kanak-kanak kerana peluang seperti ini biasanya hanya terdapat di taman peliharaan binatang atau zoo.

Dalam proses menjadikan Sibu



Pemandangan pulau Sibu yang memenangkan.



Antara bilik yang terdapat di Sibu Island Resort.

Island Resort sebagai tempat perlindungan penyui, pantai empat di resort digunakan sebagai tempat pementasan telur-telur penyui dan dipelihara kemudian dilepaskan ke laut apabila sudah dewasa. Pengunjung boleh melihat sendiri penyui yang ditlndungi dan dipelihara ini.

Dengan segala keindahan semula jadi yang sangat membolehkan anda menikmati dan memersonakan, ditambah pula dengan kemudahan bertaraf antarabangsa, pastinya percutian di Sibu Island Resort akan menjadi sebuah percutian yang sukar dilupakan.



Team Challenge Hour Glass Tower menyajikan pengalaman baru.



Rusa dibenarkan berkeluaran di sekitar hutan, serta pemandangan yang sukar dilihat di resort lain.



Pemandangan sekeliling Sibu Island Resort.



MENCABAR...seperguruan peserta ziplining memampuh lebih 16 tianggan di Merona.

# Tarikan terbaru

Sibu Island Resort dinaik taraf dengan kos RM26 juta sedia

>>Oleh Mahazura Abd Malik  
rencana@metro.com.my

KEINDAHAN laut di Sibu Island Resort (SIR) sukar diungkapkan dengan kata-kata kerana ia sememangnya syurga penyelam.

Namun, selepas dua tahun proses naik taraf yang menelan belanja RM26 juta, SIR kini memiliki satu lagi tarikan baru, kemudahan rekreasi sukan laut dan program lasak.

Usaha SIR itu meningkatkan jumlah pelancong tempatan dan luar negara terutama dari Korea Selatan, Hong Kong, Eropah dan Singapura. Resort itu turut disenaraikan sebagai pusat perangan bertaraf lima bintang.

Jika anda gemarkan aktiviti lasak, sukan air dan mahu berbulan madu bersama pasangan anda, SIR adalah tempatnya.

SIR turut menyediakan program bagi syarikat yang mahu mengadakan program membina jati diri.



JELAJAH...pengunjung boleh berinteraksi dan memboni rusa di kawasan hutan yang ada di SIR.

Prasarana baru yang disediakan SIR, antaranya Team Challenge Hour Glass Tower atau Menara dan Challenge Rope Program yang disiapkan pada Mei lalu.

SIR adalah resort pertama di Malaysia menawarkan kemudahan bertaraf dunia setanding Indonesia, China, India dan Singapura. Program yang dibangunkan

Focus Adventure berpagkalan di Singapura itu menggunakan teknologi Amerika Syarikat dengan kos RM1.24 juta dan enam bulan untuk disiapkan. Pengurus Besar SIR, Mohd

# bertaraf dunia

program lasak khas uji keberanian pengunjung

FOTO | Zulkarain Ahmad Tajuddin



MOHD IBRAHIM...unik dan punya kelainan.

Ibrahim Kadir berkata, program baru berkenaan bagi mengembalikan kevakinan

Lengkap...chalet disediakan cukup selesa.



ketinggian 30 meter. "Setiap peserta yang mengikuti aktiviti di Menara di atas 20 perundung serta bertaraf lasak.

"Dan sebagai penghargaan, sijil pengiktirafan akan diberikan kepada setiap pasukan," katanya.

Katanya, pelancong turut berpeluang mengikuti aktiviti sukan air yang mencabar minda dan fizikal termasuk "wind surfing", "banana boat rides", "cruising", snorkel, berkanak, jelajah pulau, merentas hutan dan memancing di SIR.

Selepas puas mengikuti aktiviti lasak, anda boleh menikmati makanan enak di Lumba-Lumba Cafe.

"Bermalam di resort yang menyediakan 121 chalet dibina mengikut reka bentuk kediaman tradisional Melayu

dengan dikelilingi taman bunga bukan saja menepati cita rasa pengunjung, malah menjadi iktikaf yang sangat berkesan.

"Pengunjung juga boleh mendapatkan perkhidmatan urutan badan tradisional, spa atau sauna bagi menghilangkan lenguh tubuh akibat keletihan," katanya.

Bagi pengunjung cilik, SIR ibarat zoo mini dengan lebih 60 haiwan serta unggas hidup bebas, antaranya rusa, ayam serama, kambing dan burung merak.

"Pada malam, pengunjung dibawa menyertai 'moon walk' sejauh kira-kira satu kilometer sambil menikmati udara segar dan bunyi ombak yang cukup menyeronokkan," katanya.

Maklumat lanjut, kunjungi laman web, sibuslandresort.com.my atau talian 07-2225155.

>>>BAGAIMANA KE SINI

■ Dari Kota Bharu, anda perlu menepitiputi perjalanan ke... 100 km ke Tanjung Leman, dan... 20 minit ke...